❤PENANG

PERCUMA

1 - 15 NOVEMBER, 2025

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Hospital Bukit Mertajam 'paling lestari'

**HOSPITAL** Bukit Mertajam (HBM), hospital ketiga tertua di Pulau Pinang, meraikan ulang tahunnya yang ke-135 pada 1 Oktober 2025.

Meskipun bangunannya berusia lebih seabad, hospital yang sarat dengan sejarah ini terus mengharumkan nama negeri dan negara di persada antarabangsa.

Pada 11 September lalu, HBM mencipta satu lagi sejarah apabila menerima Anugerah Emas Hospital Paling Lestari pada acara berprestij, *Hospital Management Asia* (HMA) 2025 di Ho Chi Minh City, Vietnam.

Penganjuran HMA 2025 ini menyaksikan penyertaan 140 hospital awam dan swasta dari 14 negara yang bersaing dalam 10 kategori berbeza.

Pengiktirafan sebagai hospital paling lestari di Asia menjadikan Hospital Bukit Mertajam sebagai hospital awam pertama di Malaysia yang menerima pengiktirafan ini pada peringkat Asia.

Susulan kejayaan itu, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** bersama-sama jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berpeluang menemu bual Pengarah Hospital Bukit Mertajam, **DR. S. PRASHANT** bagi mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif di sebalik kejayaan bersejarah itu pada 25 September lalu.




**DR. S. Prashant (dua dari kiri) bersama-sama warga HBM mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda meraikan pengiktirafan yang diterima di Vietnam baru-baru ini.**

## Komitmen teras kejayaan

Prashant menegaskan bahawa kejayaan itu tidak datang bergolek tanpa adanya kerjasama dan komitmen padu daripada seluruh warga hospital.

"Sebagai hospital awam bukan berorientasikan keuntungan, kami berdepan pelbagai cabaran.

"HBM antara hospital paling sibuk di Pulau Pinang, jadi kakitangan perlu menyeimbangkan tugas merawat pesakit dengan pelaksanaan program kelestarian.

"Namun, berkat kerjasama semua pihak, kami berjaya meraih anugerah berprestij ini," jelasnya sambil menambah bahawa hospital berkenaan kini mempunyai 242 katil serta 35 pakar dalam 11 bidang kepakaran.

Menurut Prashant, HMA diperkenalkan 23 tahun lalu sebagai platform penyertaan terbuka untuk hospital awam dan swasta di seluruh Asia.

"Pada awalnya hanya sembilan kategori dipertandingkan, namun tahun ini, kategori ke-10 diperkenal iaitu Hospital Paling Lestari.

"Bagi kategori ini, kami menghimpunkan data dan inisiatif yang dijalankan sepanjang tahun 2024 untuk dipersembahkan kepada pihak penganjur," katanya.

## Kesihatan planet, manusia

Menurut beliau, program kelestarian di hospital awam berpaksikan kesedaran bahawa kesihatan planet memberi kesan langsung kepada kesihatan manusia.

"Sistem kesihatan bertanggungjawab bukan sahaja terhadap individu dan komuniti, tetapi juga terhadap kelestarian planet," ujarnya.

*(Sambungan di muka 2).*

(Sambungan dari muka 1).

# Tingkat kadar kitar semula kurang guna tenaga




**DR. S. Prashant menunjukkan pengiktirafan yang diterima pada penganjuran acara berprestij, *Hospital Management Asia 2025* di Vietnam pada September lalu.**

Tambahnya, isu perubahan iklim kini menjadi tumpuan global melalui Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu *Conference of the Parties* (COP).

"Persidangan tahunan ini membincangkan inisiatif bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau *(greenhouse gas emissions)* dan pencemaran udara.

"Malaysia turut menyahut usaha itu dengan melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) pada tahun 2023 untuk mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau ke atmosfera dan membantu kesihatan bumi sekali gus membantu kesihatan komuniti serta individu," jelasnya.

Beliau menambah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut mengambil langkah proaktif dengan menggubal pelan tindakan kelestarian menyeluruh pada 2016 untuk diguna pakai di semua hospital kerajaan.

"Hospital dan fasiliti kesihatan merupakan antara penyumbang utama pelepasan karbon dioksida kerana perlu beroperasi 24 jam sehari.

"Dampaknya, dianggarkan sebanyak lima peratus daripada pelepasan gas rumah hijau di dunia datangnya daripada sistem penjagaan kesihatan.

"Oleh itu, KKM telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan kemudahan pengurusan fasiliti kesihatan seperti Edgenta Mediserve Sdn. Bhd. untuk melaksanakan Program Kelestarian *(Sustainability Programme)* sejak 2016 di semua hospital kerajaan," katanya.

## Inisiatif lestari

Menyahut seruan KKM, Prashant berkata bahawa HBM telah melaksanakan beberapa inisiatif yang akhirnya membawa kepada pengiktirafan sebagai hospital paling lestari di Asia, antaranya:

- **Pengurusan tenaga:** menaik taraf sistem pendingin hawa kepada jenis *inverter* yang cekap tenaga serta menukar semua lampu kepada diode pemancar cahaya LED.
- **Pengurusan sisa:** membina tandas sisa sifar *(zero waste)*, kitar semula sisa elektronik *(e-waste)*, sisa elektrik dan fabrik serta melaksanakan kompos kebun.
- **Penggunaan air:** membina sistem tadahan air hujan untuk tandas.
- **Pertanian bandar:** menanam sayur-sayuran dan buah-buahan secara hidroponik, hasilnya diagihkan kepada golongan memerlukan.
- **Pengurangan karbon:** menanam 1,100 pokok, melaksanakan sistem *i-Sprint* bagi mengurangkan perjalanan ambulans kosong, serta menggunakan dulang makanan *biodegradable.*

Menurut beliau, melalui inisiatif ini, HBM berjaya meningkatkan kadar kitar semula keseluruhan daripada 7 peratus kepada 11 peratus, manakala kadar kitar semula plastik meningkat daripada 1 peratus kepada 2 peratus.

Selain itu, katanya, HBM juga menumpukan kepada inisiatif pengurangan karbon *(carbon sinking)* dengan menanam sebanyak 1,100 pokok dan mengurangkan perjalanan ambulans yang kosong *(empty ambulance rides)* bagi menjimatkan penggunaan bahan api.

"Sebelum ini, ambulans yang menghantar pesakit ke Hospital Kepala Batas atau Hospital Seberang Jaya akan berpatah balik kosong.

"Jadi, dengan sistem i-Sprint ambulans kini membawa pesakit lain dalam perjalanan pulang, sekali gus menjimatkan bahan api dan mengurangkan pelepasan karbon.

"Tambahan pula, HBM kini mempunyai kemudahan *computed tomography scan* (CT scan) sendiri, jadi keperluan merujuk ke hospital lain semakin berkurang," katanya.

Beliau menambah, HBM turut menyahut cabaran KKM melalui pelaksanaan *Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool* (MyCREST) dan *Energy Management Gold Standard* (EMGS) yang mana hospital tersebut berjaya memperoleh kedua-dua pensijilan itu masing-masing pada tahun 2022 dan 2023.

## Sifar karbon 2050

Sepanjang tahun 2024 sahaja, kata Prashant, HBM berjaya mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 496,580.33 kWh, sekali gus menurunkan jejak karbon sebanyak 344.63 tan karbon dioksida iaitu bersamaan penjimatan kos operasi kira-kira RM252,759.39.

"Bagi perancangan jangka panjang, kami menyasarkan pengurangan jejak karbon sebanyak 10 peratus menjelang 2040 dan mencapai sifar karbon menjelang 2050," katanya yang yakin bahawa semua pelan tersebut mampu dicapai dengan usaha dan sokongan berterusan daripada semua pihak.

Difahamkan, HBM kini sedang membangunkan lot parkir baharu di tapak kuarters lama serta merancang pembinaan Klinik Psikiatri baharu yang memerlukan dana kira-kira RM1.8 juta.




**TAMAN kompos yang terdapat di sini.**



**SUASANA hijau dan menyegarkan di Hospital Bukit Mertajam menawarkan pemandangan yang indah serta menenangkan.**

# BP2

# Inovasi tempatan tangani ancaman lintah marin



DR. Kua Beng Chu menunjukkan hasil inovasi bersama-sama pasukannya yang mampu menangani ancaman lintah marin.

**PENTERNAK** ikan sangkar di negeri ini boleh menarik nafas lega dengan pengenalan inovasi tempatan, *Break & Protect 2* (BP2), yang berfungsi membendung serangan lintah marin.

Lintah marin atau nama saintifiknya *Zeylanicobdella arugamensis* merupakan parasit yang melekat pada badan ikan, menghisap darah dan meninggalkan luka yang boleh menyebabkan kematian.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berkesempatan menemu bual Timbalan Pengarah Kanan Institut Penyelidikan Perikanan (IPP), **DR. KUA BENG CHU** untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai inovasi pasukannya pada 11 September lalu.

Menurut Beng Chu, unit BP2 merupakan hasil penyelidikan tempatan yang telah didaftarkan sebagai harta intelek sejak tahun 2017, serta memenangi pelbagai anugerah inovasi.

“Peranti ini berfungsi dengan menarik lintah marin untuk bertelur di BP2 yang mana penternak cuma perlu membersihkannya sekali sekala, sekali gus mengurangkan populasi lintah marin.

“Ia juga membantu mengelakkan penggunaan bahan kimia yang boleh menjejaskan alam sekitar.

“Kesan lintah marin terhadap ikan sangat serius kerana luka yang ditinggalkan menjejaskan kualiti dan kesihatan ikan,” katanya.

Tambah Beng Chu, idea untuk mencipta BP2 mula tercetus pada 2009 apabila penternak di Pulau Jerejak berdepan serangan lintah marin yang menjejaskan hasil ternakan.

“Ketika itu, penternak bergantung kepada rawatan air tawar dan beberapa



PARA penternak ikan membuang membuat pengelasan ikan bagi mengasingkan ikan yang cedera akibat ancaman lintah marin.

bahan kimia untuk membunuh lintah.

“Namun, kaedah itu hanya memusnahkan lintah dewasa dan bukannya kepompong, maka apabila kepompong menetas, kitaran infestasi akan bermula semula.

“Kami mendapati lintah marin tertarik kepada permukaan atau substrat tertentu, maka inovasi ini dapat mengurangkan penggunaan bahan kimia dengan ketara,” jelasnya lanjut.

## Fungsi & keberkesanan BP2

Menurut beliau, menjelang tahun 2010, pasukannya berjaya melengkapkan kajian mengenai kitaran hayat lintah marin menggunakan pelbagai bahan seperti kayu, plastik dan jaring ikan dalam pelbagai warna, termasuk warna lutsinar yang biasa digunakan penternak.

“Hasil kajian menunjukkan bahawa lintah lebih gemar pada permukaan stabil dengan warna tertentu, yang membawa kepada penciptaan beberapa reka bentuk prototaip.

“Dengan pembiayaan penyelidikan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), kami mula membangunkan substrat yang sesuai untuk memerangkap lintah serta mengganggu kitaran hayatnya,” ulasnya lanjut.

Tambah beliau, peranti BP2 merupakan kaedah kawalan biologi yang lebih selamat, mesra alam dan berkesan.

“Pada peringkat awal, peranti BP2 diletakkan di dalam sangkar ikan pada jarak tertentu dan lintah marin akan tertarik, melekat serta bertelur pada permukaannya.

“(Seterusnya), penternak hanya perlu mengeluarkan peranti tersebut, membersihkannya dengan air bersih, dan boleh menggunakannya semula.

“Kami mendapati selepas lima hari, jika BP2 dibersihkan dan dipasang semula, lintah marin akan kembali melekat.

“Dalam tempoh satu hingga dua tahun, populasi lintah dapat dikurangkan dengan ketara,” ujarnya.

Difahamkan, penggunaan peranti BP2 menunjukkan keberkesanannya terhadap semua 14 spesies ikan yang terdedah kepada infestasi lintah marin.

## Sokongan kerajaan, penternak

Dalam pada itu, Beng Chu berkata, kerajaan negeri dengan sokongan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memperuntukkan sebanyak RM350,000 bagi menghasilkan 1,200 unit BP2.

“Fasa pertama menyaksikan 700 unit diserahkan kepada 40 penternak pada Majlis Penyerahan Bantuan BP2 Kepada Penternak Ikan Sangkar di Akuarium Tunku Abdul Rahman, Batu Maung pada 18 Ogos 2025, manakala baki 500 unit lagi diedarkan pada September.

“Langkah ini disambut baik oleh komuniti nelayan dan penternak yang melihat BP2 sebagai penyelamat daripada ancaman lintah marin.

“Walaupun lintah marin mungkin tidak dapat dihapuskan sepenuhnya, kawalan berkesan tetap dapat dilaksanakan bagi mengurangkan kerugian besar.

“Selain menjimatkan kos rawatan, penggunaan peranti BP2 juga membantu mengekalkan kualiti ikan ternakan, sekali gus memastikan industri akuakultur terus berkembang secara lestari,” katanya menutup bicara.



PERANTI BP2 yang dipasang pada sangkar ternakan ikan di sini.



TELUR lintah marin yang melekat pada peranti BP2 akan dibersihkan sebelum digunakan semula di kawasan ternakan ikan.

# Geran Mutiara Madani perkukuh peranan koperasi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GERAKAN** koperasi merupakan antara nadi penting dalam pembangunan sosioekonomi negeri Pulau Pinang kerana berperanan menggalakkan semangat keusahawanan kolektif serta memacu kesejahteraan komuniti secara inklusif dan berdaya saing.

Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** berkata bahawa Kerajaan Negeri komited memperkukuh peranan koperasi melalui pelbagai inisiatif termasuk memperkenalkan Geran Mutiara Madani di bawah Bantuan Pembangunan Bagi Pemerkasaan Gerakan Koperasi Negeri Pulau Pinang.




**FAHMI Zainol (dua dari kiri) merakam gambar kenang-kenangan bersama-sama juruhebah serta wakil BPEN dan SKM usai wawancara di konti Mutiara.fm di sini baru-baru ini. *(Gambar ihsan: Exco).***

"Dana maksimum sebanyak RM5,000 bagi setiap koperasi ini adalah manifestasi komitmen Kerajaan Negeri untuk menjadikan koperasi sebagai pemangkin ekonomi rakyat yang lebih mampan, inovatif dan berdaya saing," katanya dalam sesi wawancara Program Bicara Prisma di Mutiara.fm pada 30 September lalu.

Mengulas lanjut, Fahmi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak menjelaskan bahawa koperasi yang mempunyai perancangan ekonomi berdaya maju boleh memohon geran tersebut untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Induk yang dianggotai wakil Pejabat Exco Pembangunan Koperasi, Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

"Permohonan ini tertakluk kepada kriteria serta syarat kelayakan antaranya koperasi mestilah berdaftar di Pulau Pinang, mempunyai struktur pentadbiran dan kewangan yang baik serta rancangan projek ekonomi yang mampan," ujarnya.

Tambah beliau, koperasi di Pulau Pinang kini merangkumi pelbagai sektor termasuk peruncitan, perkhidmatan kewangan, industri asas tani, perladangan, pembangunan hartanah, pembinaan, perdagangan emas, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan.

"Sehingga 2024, terdapat 816 koperasi berdaftar dengan nilai perolehan mencecah RM263.8 juta dan aset terkumpul sebanyak RM1.17 bilion," katanya.

Sejak 2021, menurut Fahmi, Kerajaan Negeri menyalurkan sejumlah RM1.8 juta kepada 122 koperasi yang layak sebagai usaha melahirkan rakyat berdaya maju dengan pendapatan tinggi sejajar dengan Visi Penang2030 dan aspirasi Malaysia Madani.

"Harapan kita (Kerajaan Negeri) agar koperasi sedia ada ini dapat berkembang menjadi koperasi berkluster besar dan berprestasi tinggi dengan produk berkualiti serta berdaya saing," ulasnya lanjut.

IJM Bayouri | AYRA TERRACES

Harga bermula daripada
RM680,000*

Distinctively IJM



RUMAH TERES 2 TINGKAT
Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

Kediaman idaman menanti anda di Ayra Terraces, sebuah projek perumahan IJM Bayouri Fasa 2. Terletak di Jawi, Seberang Perai Selatan, rumah teres 2 tingkat ini direka dengan gaya minimalis serba mewah, sebuah nadi kehidupan yang anggun dan sentosa.

**CHEN YU LAND SDN. BHD.** 197401003098 (20172-X)
**GALERI IJM BAYOURI**
Lot 10609, Mukim 11, Jalan Nibong Tebal, 14200 Sungai Jawi, S.P.S. Penang. Malaysia.

IJM LAND
A SUBSIDIARY OF IJM CORPORATION BERHAD

+604-582 8111 / +604-296 1333 | IJM Land Berhad | ijmland | ijmland.com

* TERTAKLUK KEPADA TERMA DAN SYARAT

Ayra Terraces - No. Lesen Pemaju: 30653/12-2028/0328 (A) • Tempoh sah: 27/12/2023 - 26/12/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 30653-1/04-2026/0341(A)-(L) • Tempoh Sah: 25/04/2024 - 24/04/2026 • Jenis Hakmilik: Hakmilik Kekal • Bebanan Tanah: Tiada • No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-71/48 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Seberang Perai • Jenis Rumah: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit: 100 unit. ( Harga Minima: RM918,000, Harga Maksima: RM1,287,000 ) • Tarikh Dijangka Siap: Ogos 2026 • 5% Diskaun Untuk Bumiputera •
**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**



TUN Ramli Ngah Talib (depan, enam dari kiri) dan isteri, Raja Noora Ashikin Raja Abdullah (depan, lima dari kanan) berkenan menyempurnakan LACF 2025 di sini baru-baru ini.

# LACF 2025 ceritakan kisah sendiri

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyifatkan penganjuran Festival Seni Hidup *(Living Arts Cultural Festival, LACF)* 2025 di Pulau Pinang sebagai langkah berani yang menolak stereotaip kolonial lama terhadap budaya masyarakat Asia.

"Pada masa lalu, seperti yang digambarkan oleh mendiang sarjana Edward Said dalam idea beliau tentang '*Orientalisme*', budaya Asia, Afrika dan Timur Tengah sering digambarkan oleh kuasa penjajah melalui stereotaip sebagai sesuatu yang eksotik, lemah gemalai, atau santun, tetapi festival seperti LACF 2025 membuktikan sebaliknya.

"Di sini, kita menunjukkan bahawa budaya kita bukan objek untuk ditakrifkan oleh orang lain, tetapi tradisi hidup dan berkembang yang kita banggakan untuk ditakrifkan sendiri.

"Dengan mengekalkan warisan budaya kita, kita menolak naratif kolonial lama itu dan menceritakan kisah kita sendiri mengikut acuan serta syarat kita sendiri," katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi dalam festival antarabangsa yang berlangsung di Pusat Belia, Lebuh Armenian dekat sini pada 4 Oktober 2025.

Bagi Kon Yeow, usaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menganjurkan festival budaya sejagat di Pulau Pinang adalah signifikan memandangkan negeri ini mempunyai kepelbagaian budaya yang unik.

"Penganjuran LACF 2025 juga memberi peluang untuk perkenalkan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di rantau Asia, terutamanya kepada para peserta antarabangsa yang datang dari jauh," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Sehubungan itu, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta agensi-agensinya seperti Digital Penang, *Penang Global Tourism* (PGT) dan *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB) akan terus memperkukuh kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi menjayakan penganjuran festival kebudayaan bertaraf antarabangsa seperti LACF 2025.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan bahawa hampir 59,000 pelawat pelayaran antarabangsa dari Singapura, India, United Kingdom, Amerika Syarikat, Indonesia, Jerman, China, Korea Selatan, Filipina dan Australia telah berkunjung ke Pulau Pinang melalui Terminal Persiaran Swettenham Pier.

"Angka yang menggalakkan ini membuktikan bahawa Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelancongan utama yang menarik pelawat dari seluruh Asia, Eropah dan Amerika," tambahnya.

Sebelum itu, Ketua Setiausaha MOTAC, Datuk Shaharuddin Abu Sohot turut berucap bagi mewakili Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Lebih bermakna, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Ramli Ngah Talib hadir menyempurnakan acara perasmian karnival tersebut dengan kehadiran isteri beliau, Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah.

Turut serta, Exco Kerajaan Negeri, barisan ADUN dan Ahli Parlimen serta para diplomat yang hadir menyaksikan persembahan tarian tradisional dari Bulgaria, Filipina, Indonesia, India, Jepun, Malaysia, Sri Lanka, Republik Korea, Thailand dan Uzbekistan, melambangkan keindahan kepelbagaian budaya serantau yang hidup dan dinamik.



**PERSEMBAHAN tarian kebudayaan yang penuh warna-warni telah memukau pandangan para pengunjung di sini.**




**SUKU kaum orang asli Mah Meri yang berasal dari Pulau Carey, Selangor turut mengambil bahagian dalam LACF2025 baru-baru ini. *(Gambar ihsan: Penang Global Tourism).***

# Penang2030 visi kepada realiti

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**GEORGE TOWN** - Berkat usaha berterusan dan kerjasama erat antara agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti setempat, pelaksanaan inisiatif Visi Penang2030 kini telah mencapai sekitar 75 peratus daripada keseluruhan sasaran yang ditetapkan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pencapaian itu merangkumi pelbagai sektor penting termasuk pendidikan, kesihatan, mobiliti, ekonomi digital, pembangunan komuniti, serta kelestarian alam sekitar.

“Pencapaian ini membuktikan bahawa Penang2030 kini semakin bergerak daripada visi kepada realiti, menuju ke arah status negeri pintar dan hijau bertaraf antarabangsa," ujarnya pada Majlis Perasmian Festival Penang2030 di sini pada 11 Oktober lalu.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Baderul Amin Abdul Hamid serta dif-dif kehormat yang lain.

Menurut Kon Yeow, festival tersebut memberi peluang kepada rakyat untuk berinteraksi secara langsung dengan jabatan dan agensi kerajaan, sambil menikmati pelbagai aktiviti kekeluargaan yang menyeronokkan dan berinformasi.

"Bertemakan ‘Astronomi’, festival tahun ini menampilkan gabungan pendidikan, hiburan dan aktiviti interaktif yang mencerminkan komitmen kita terhadap pembangunan modal insan serta pengukuhan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat.

"Ia juga menjadi simbol transformasi negeri ke arah pendigitalan dan teknologi pintar, berlandaskan pembangunan modal insan yang mampan," jelasnya.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah serta Komunikasi menegaskan komitmennya untuk terus memperjuangkan kerajaan berintegriti yang mengutamakan kebajikan rakyat, memperkukuh ekosistem pembangunan inklusif dan mampan.

"Dengan tempoh lima tahun lagi menuju tahun 2030, Kerajaan Negeri kekal komited dalam merealisasikan setiap matlamat demi membina sebuah negeri yang bukan sahaja kita banggakan hari ini, tetapi juga akan diwarisi dengan penuh rasa syukur oleh generasi akan datang.

" Dalam tempoh berbaki saya sebagai Ketua Menteri, saya bertekad untuk terus memperkukuh infrastruktur, membina ekosistem mampan serta memastikan pembangunan negeri berteraskan modal insan yang inklusif dan berdaya saing," tegasnya.

Menyorot kembali pengenalan Visi Penang2030, Kon Yeow menjelaskan bahawa hala tuju strategik itu menjadi panduan utama dalam setiap dasar pembangunan negeri meliputi aspek kemampanan ekonomi, kesejahteraan sosial dan keterangkuman komuniti.

"Sinergi inilah yang mendasari kemajuan negeri ini dan menjadikan kemakmurannya hasil usaha kolektif kita bersama,” ulasnya lanjut.

Penganjuran Festival Penang2030 disifatkan sebagai manifestasi semangat keterangkuman dan kebersamaan, dengan menjadikan rakyat sebagai rakan kongsi utama dalam perjalanan negeri menuju tahun 2030.

Antara aktiviti menarik yang disediakan termasuk eksplorasi planetarium, pameran angkasa lepas, pertandingan pakaian bertema sains dan astronomi, serta pelbagai aktiviti interaktif bagi memupuk minat terhadap bidang sains dalam kalangan generasi muda.

Festival turut dimeriahkan dengan penyertaan pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), *Tech Dome Penang*, *Penang Green Council*, MBPP, MBSP, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Askar Wataniah.



**KETUA Menteri bersama-sama A. Rajendran (duduk, kanan) serta pasukan MBPP bergambar selepas melawat reruai pihak berkuasa tempatan itu sempena Penang2030 Festival di sini.**


**AKTIVITI mewarna kanvas bermotifkan batik mendapat sambutan memberangsangkan dari pelbagai peringkat umur pada karnival kali ini.**


**LENSA sempat merakam momen keceriaan sekumpulan pelajar yang berjaya menghasilkan karya seni berwarna-warni sempena Penang2030 Festival di sini.**


**ANTARA momen menarik yang sempat dirakam oleh lensa di reruai pasukan keselamatan negara.**

# Suntikan modal perkasa usahawan

**PANTAI JEREJAK –** Sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menyalurkan sebanyak RM34.5 juta pinjaman mikro yang kini dikenali sebagai Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada 4,499 usahawan layak di seluruh negeri.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid, yang juga Exco Pembangunan Agama, Pendidikan dan Pengajian Tinggi serta Perpaduan Masyarakat, berkata demikian semasa merasmikan Karnival Usahawan SPH & Hari Terbuka PDC di sini pada 4 Oktober lalu.

"SPH menyediakan kemudahan pinjaman patuh syariah dengan kadar bayaran yang tidak membebankan.

"(Dan) dengan jumlah pinjaman antara RM5,000 hingga RM50,000 serta tempoh bayaran balik yang fleksibel, skim ini terbuka kepada semua kaum tanpa mengira latar belakang.

"Statistik pemberian pinjaman mikro ini menggambarkan keberkesanan dasar Kerajaan Negeri yang inklusif," jelasnya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar turut menyertai majlis tersebut.




DR. Mohamad Abdul Hamid (tengah), Fahmi Zainol (lima dari kiri) dan Aziz Bakar (empat dari kanan) bergambar bersama-sama para penerima Anugerah Usahawan Cemerlang pada karnival berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam majlis yang sama, Mohamad yang juga ADUN Batu Maung turut memuji komitmen penerima SPH yang konsisten membuat bayaran balik, sehingga kadar bayaran balik direkodkan mencecah 88 peratus.

Beliau turut memaklumkan bahawa PDC telah memperkenalkan skim khusus seperti Pinjaman Usahawan Kopi, hasil kerjasama dengan KA Satu Socient Ventures – Vietpresso (M) Sdn. Bhd..

Menurut beliau, melalui skim ini, usahawan boleh memohon pinjaman antara RM5,000 hingga RM12,000 dengan tempoh bayaran balik selama 100 minggu.

"PDC juga sedang melaksanakan projek *Waterfront Foodie @Bayan Lepas* bernilai RM5 juta, dijangka siap pada 1 November 2025 dan akan menyediakan ruang niaga kepada 36 usahawan Bumiputera.

"Selain itu, Dataran Usahawan di Bandar Cassia turut dibangunkan dengan kos RM26 juta, dijangka siap pada suku keempat tahun 2027.

"Inisiatif ini membuktikan fleksibiliti PDC dalam menyesuaikan program bantuan dengan keperluan industri," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada para usahawan SPH serta agensi kerajaan dan pihak swasta yang membuka reruai di sini.

Difahamkan, Skim Pinjaman Harapan (SPH) secara rasmi diperkenalkan pada 13 Oktober 2018 selepas penjenamaan semula daripada Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR).

Sementara itu, Aziz dalam ucapannya menegaskan komitmen PDC untuk terus memperkukuh ekosistem pembangunan ekonomi negeri dengan menyediakan sokongan berterusan kepada usahawan tempatan bagi mengembangkan perniagaan mereka.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Usahawan Cemerlang kepada lima penerima yang mewakili lima daerah di Pulau Pinang, masing-masing menerima dana modal perniagaan bernilai RM1,500. Selain itu, 10 usahawan baharu turut menerima sijil pembiayaan mikrokredit SPH bagi pelbagai jumlah pinjaman modal perniagaan.

## Baiki cerun berisiko demi keselamatan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**TANJUNG BUNGA –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang membelanjakan RM8.789 juta daripada peruntukan Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi melaksanakan kerja pembaikan di 16 lokasi cerun berisiko di bahagian pulau.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa jumlah tersebut merupakan tambahan sebanyak RM4.921 juta berbanding tahun 2024 bagi Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang untuk melaksanakan kerja pembaikan cerun di lokasi-lokasi dikenal pasti mengalami kejadian runtuhan.

"Objektif utama projek ini adalah untuk menjalankan kerja-kerja membaik pulih cerun runtuh atau berisiko gagal bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

"Komponen utama projek meliputi penyiasatan tanah, kerja awalan pembersihan tapak dan pembaikan runtuhan cerun mengikut kaedah yang dipersetujui oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun Ibu Pejabat JKR Malaysia," katanya sejurus mengadakan lawatan tapak ke projek pembaikan cerun berdekatan *Moonlight Bay*, Jalan Batu Ferringhi di sini pada 7 Oktober 2025.

Mengulas lanjut, Zairil memberitahu bahawa kerja-kerja di tapak telah bermula pada Ogos 2025, dengan tujuh projek dijangka siap sepenuhnya tahun ini, manakala baki sembilan projek akan disiapkan pada tahun hadapan.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga turut merakamkan penghargaan kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, atas kelulusan peruntukan tersebut demi kesejahteraan pengguna jalan raya di kawasan berkenaan.

Difahamkan, daripada 16 projek berkenaan, 15 adalah terletak di daerah Timur Laut, manakala satu lagi di daerah Barat Daya, iaitu di laluan Jalan Teluk Bahang ke Balik Pulau.

Tambah beliau, daripada jumlah itu juga, 12 projek berada di sekitar kawasan Bukit Bendera, yang disifatkan sebagai kawasan kritikal kerana merupakan satu-satunya jalan keluar masuk utama bagi penduduk setempat.



ZAIRIL Khir Johari (empat dari kiri) meninjau salah satu kawasan cerun yang akan dibaiki di Jalan Batu Feringghi di sini baru-baru ini.

"Kawasan tersebut amat penting kerana ia menjadi laluan utama penduduk untuk aktiviti harian.

"Oleh itu, saya menyeru pengguna jalan raya agar merancang perjalanan sebaiknya sepanjang tempoh kerja pembaikan dijalankan dan sentiasa mematuhi papan tanda keselamatan yang disediakan di lokasi berkaitan," pesannya.

# Rahsia pertahan kejuaraan komitmen & disiplin tinggi

**LEMBAGA** Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) berjaya pertahankan kejuaraan dalam acara Perbarisan dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan ke-68 Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi kategori Agensi Awam.

Kemenangan itu melayakkan LPNPP membawa pulang Piala Pusingan dan Piala Iringan dalam sambutan yang berlangsung di Stadium Batu Kawan di sini pada 31 Ogos lalu.

Ketua Pegawai Bisnes LPNPP, **FAKHURRAZI IBNU OMAR** ketika ditemui melahirkan rasa syukur dan bangga atas komitmen tinggi serta semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh semua ahli kontinjen sehingga membuahkan kejayaan buat kali kedua.

"Tahun ini merupakan penyertaan ketiga kami yang mana kali pertama adalah pada tahun 2023, tetapi kami tidak menang apa-apa kategori ketika itu.

"Selepas itu, kami meneliti konsep dan disiplin yang ditunjukkan oleh pasukan johan pada tahun tersebut lalu menerapkan kaedah latihan yang lebih intensif bagi acara pada tahun berikutnya.

"Usaha itu akhirnya membuahkan hasil apabila kami muncul juara pada 2024, dengan bimbingan jurulatih baharu, kami berjaya mempertahankan kemenangan tersebut tahun ini," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar **SITI NURATIKAH RAHMAT** dalam sesi wawancara khas di pejabat LPNPP pada 8 September lalu.

Turut hadir semasa sesi wawancara khas tersebut ialah Ketua Pegawai Penguatkuasa LPNPP, **NADZIFAH ABD. RAHIM**.



**FAKHURRAZI Ibnu Omar (depan, tujuh dari kiri) menerima cek cura kemenangan pada sambutan Hari Kebangsaan baru-baru ini.**

Menurut Fakhurrazi, jurulatih baharu **KOPERAL MOHAMAD ZAIRIL AMER AZHAR** dari Bahagian Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut memainkan peranan penting dalam memperkukuh disiplin dan kemas kawad kontinjen.

"Secara keseluruhannya, kontinjen kami telah menjalani latihan lebih kurang 15 jam, termasuk sesi raptai penuh.



**PASUKAN LPNPP memberi pose istimewa selepas menyertai raptai perbarisan di Stadium Batu Kawan.**

"Tahun ini, latihan hanya dijalankan dua kali seminggu berbanding tiga kali pada tahun sebelumnya kerana kekangan jadual, namun semua peserta tetap menunjukkan komitmen terbaik.

"Sesi latihan diadakan di *Rooftop Prangin Mall*, yang menjadi lokasi sesuai untuk mengumpulkan semua peserta dan menjalani latihan kawad," jelasnya.

Tambah beliau, kontinjen LPNPP memilih tema pakaian berbilang kaum iaitu Melayu, Cina, India serta etnik pribumi Sabah dan Sarawak sebagai simbol perpaduan dan keharmonian Malaysia Madani.

"Pemilihan tema ini bertujuan menyerlahkan semangat perpaduan serta identiti masyarakat majmuk negara.

"Tahun ini, LPNPP menampilkan seramai 47 peserta dan tiga urus setia, menjadikan keseluruhan 50 kakitangan yang mula berlatih sejak awal Ogos," katanya.

Mengulas lanjut, Fakhurrazi berkata cabaran utama kontinjen kali ini ialah perubahan lokasi sambutan dari Padang Kota Lama *(Esplanade)* ke Stadium Batu Kawan, yang memerlukan peserta berkawad pada jarak lebih jauh.


**PASUKAN LPNPP memberikan komitmen terbaik pada sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan di Stadium Batu Kawan pada Ogos lalu.**



**FAKHURRAZI Ibnu Omar (duduk, lima dari kanan) dan Nadzifah Abd. Rahim (duduk, tiga dari kiri) bersama-sama pasukan LPNPP bergambar dengan trofi kejuaraan acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kemerdekaan ke-68 Peringkat Negeri Pulau Pinang.**

"Trek di stadium ini menuntut stamina dan konsistensi yang tinggi. Walaupun berdepan cabaran itu serta cuaca tidak menentu, semangat pasukan tidak pernah luntur," katanya lagi.

Beliau turut mengakui bahawa pasukan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merupakan antara kontinjen yang memberikan saingan paling sengit.

"Disiplin kawad kaki menjadi kekuatan utama kami dan saya percaya faktor inilah yang memberi kelebihan kepada LPNPP," ujarnya.

Atas pencapaian tersebut juga, pasukan LPNPP berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM3,000 berserta trofi.

Menurut Fakhurrazi, kejayaan itu membuktikan bahawa kerjasama berpasukan, dedikasi dan semangat kekeluargaan dalam kalangan kakitangan LPNPP menjadi tunjang kekuatan mereka.

"Tahun lalu kami dinobatkan sebagai juara kawad kaki sektor awam dan naib johan kategori pakaian terbaik. Tahun depan pastinya lebih mencabar, tetapi kami akan terus berusaha untuk mengekalkan kejuaraan," katanya penuh tekad.

TAMAN SERI VALDOR
@Jawi, Penang

HAKMILIK KEKAL
5% Diskaun Untuk Bumiputera

Rumah Teres 2 Tingkat (Serenite)
Jumlah Unit: 26 unit


Harga Min: RM586,000.00 . Harga Maks: RM710,600.00
Luas Tanah: ± 20' x >70' | Luas Binaan: ± 20' x 45'
4 bilik tidur + 3 bilik mandi

Rumah Teres 2 Tingkat (Joie)
Jumlah Unit: 7 unit


Harga Min: RM586,000.00 . Harga Maks: RM710,600.00
Luas Tanah: ± 20' x >65' | Luas Binaan: ± 20' x 43'
4 bilik tidur + 3 bilik mandi

Rumah Teres 3 Tingkat (Harmonie)
Jumlah Unit: 12 unit


Harga Min: RM796,200.00 . Harga Maks: RM889,700.00
Luas Tanah: ± 20' x >78' | Luas Binaan: ± 20' x 45'
5 bilik tidur + 4 bilik mandi

KIMYONG GROUP
Hello Happiness

Pemaju:
KY Maju Development Sdn. Bhd.
201001038858 (922782-A)
No. 1, Lorong Ciku 3, Taman Ciku, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
604-537 8888
604-530 6888
kymaju@hotmail.com







Nama Syarikat: KY Maju Development Sdn Bhd 201001038858 (922782-A) . No. Lesen Pemaju: 14648/04-2028/0610(A) . Tempoh Sah: 13/04/2023-12/04/2028 . No. Permit Iklan dan Jualan: 1468-7/12-2026/1145(N)-(L) . Tempoh Sah: 17/12/024-16/12/2026 . Jenis Pegangan: Kekal . Bebanan Tanah: Tiada . Tarikh Jangka Siap: April 2026 . Pihak Berkuasa Tempatan: Majlis Bandaraya Seberang Perai . No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-64/26 (17) . Jenis Bangunan: Rumah Teres 2-Tingkat, Jumlah Unit: 33 Unit . Harga Min: RM586,000.00 . Harga Maks: RM710,600.00 . Jenis Bangunan: Rumah Teres 3-Tingkat, Jumlah Unit: 12 Unit . Harga Min: RM796,200.00 . Harga Maks: RM889,700.00 . Diskaun Bumiputera: 5%

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
